



## PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 14/1970

### *Tanah Yang Telah Menjadi Dasar Laut Atau Sungai*

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menarik perhatian Pemungut-pemungut Hasil Tanah kepada seksyen 49 Kanun Tanah Negara yang menyatakan iaitu sebahagian daripada sesuatu kawasan tanah milik yang sempadannya telah ditetapkan atau diukur akan menjadi tanah Kerajaan dan terkeluar daripada hakmilik tuannya jika tanah itu menjadi dasar laut ataupun sebahagian daripada sungai.

2. Pendaftar-pendaftar suratan hakmilik adalah bertanggungjawab menjaga semua daftar-daftar hakmilik tanah supaya lengkap dan bersabit dengan perkara ini mereka mahulah menentukan sesuatu suratan hakmilik itu dibatalkan apabila kesemuanya kawasan tanah yang dimaksudkan telah menjadi tanah Kerajaan oleh sebab dimakan oleh laut ataupun sungai. Pendaftar tidaklah diberi kuasa oleh undang-undang bagi membatalkan sesuatu suratan hakmilik oleh sebab kejadian tersebut sungguhpun tanah itu telah menjadi milik Kerajaan. Di dalam keadaan undang-undang sekarang ini pembatalan sesuatu suratan hakmilik hanya boleh dibuat setelah mendapat perintah Mahkamah dan perintah tersebut adalah diberi selepas membuat permintaan di bawah seksyen 419 Kanun Tanah Negara. Adalah dinasihatkan semua Pendaftar-pendaftar mungkin mengambil tindakan mengemukakan permintaan kepada Mahkamah dan perintah menyatakan suratan hakmilik tanah itu telah luput dan mahulah dibatalkan.

3. Untuk mendapatkan satu cara yang lebih senang bagi membatalkan suratan hakmilik itu, satu seksyen yang baharu bagi Kanun Tanah Negara yang berbunyi demikian akan dikemukakan :

382A. (1) The Collector shall upon being satisfied that any alienated land has become State land under section 49 of this Act, make or cause to be made a memorial to that effect in the register document title for the land.

(2) The Registrar shall after making a memorial under subsection (1) of this section:

(a) notify the proprietor thereof of the making of such memorial: and

(b) destroy the subsisting issue document of title if it has been delivered.

(3) On the making of any memorial under subsection (1) of this section the subsisting register document of title and any subsisting issue document of title which has not been destroyed pursuant to paragraph (b) of subsection (2) shall be deemed to have been cancelled and no entry shall thereafter be made therein.

4. Pendaftar-pendaftar suratan hakmilik Pejabat Pendaftar tentulah tidak berupaya mendapatkan maklumat sama ada sekeping tanah itu telah menjadi hakmilik negeri menurut seksyen 49 Kanun Tanah Negara dan dengan keadaan yang demikian mustahaklah maklumat itu diberi kepada mereka oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah. Adalah dinasihatkan iaitu Pemungut Hasil Tanah mahulah mengambil tindakan memeriksa dan menentukan sama ada sesekeping tanah itu telah semuanya atau sebahagian sahaja menjadi dasar laut atau sungai. Jika kesemuanya kawasan tanah itu telah menjadi tanah Kerajaan menurut seksyen 49 Kanun Tanah Negara, Pemungut-pemungut Hasil Tanah mahulah memberitahu Pendaftar suratan hakmilik Pejabat Pendaftar untuk tindakan diambil seperti yang dimaksudkan oleh perenggan 2 di atas ataupun mengambil tindakan seterusnya jika suratan hakmilik itu ialah suratan hakmilik Pejabat Tanah.

5. Adalah perlu juga diambil tindakan yang sesuai bagi membetulkan rekod Pejabat Pendaftar berkenaan dengan kedudukan sesekeping tanah itu di mana sebahagian daripadanya telah menjadi dasar laut ataupun sungai. Dalam sungai ini prinsip yang dipakai sekarang tidak membenarkan apa-apa perubahan dibuat kepada daftar hakmilik tanah dan oleh yang demikian perubahan tidaklah boleh dibuat kepada pelan tanah atau butir-butir suratan hakmilik tanah dan juga kepada angka hasil tanah dikenakan. (Perubahan bukanlah bermakna pembetulan). Untuk mengatasi kesulitan ini adalah

dicadangkan meminda seksyen 166(1) Kanun Tanah Negara supaya membolehkan hakmilik sambungan dikeluarkan apabila sebahagian daripada tanah milik telah menjadi dasar laut atau sungai dan apabila bahagian yang masih tinggal itu sudah diukur semula. Sementara menantikan pindaan kepada Kanun Tanah Negara itu Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya mengadakan rekod yang lengkap mengenai semua tanah-tanah yang dimaksudkan setelah diperiksa tanah itu dan ditentukan berapa banyakkah kawasannya yang telah dimakan laut atau sungai.

6. Adalah diminta perhatian iaitu tindakan yang disebutkan di perenggan 2 ialah untuk membatalkan suratan hakmilik dan bukannya untuk memindahkan milik tanah kepada Kerajaan Negeri kerana pindahmilik itu telah berlaku dengan sendirinya menurut seksyen 49 Kanun Tanah Negara.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 141/70(11)

Kuala Lumpur,  
28hb Oktober, 1970